| 2. | Cap dagangan<br>Trademark "Biogita Tea" | 2013016305 (Class 30) |

Jadual 8.9 Senarai paten yang difailkan
Table 8.9 List of patents filed

| **Bilangan** Number | **Perisian/** Software | **No fail** Filing no |
|---|---|---|
| 1. | Penambahbaikan kaedah dan radas pirolisis<br>An improved pyrolysis apparatus and method | PI2014700261 |
| 2. | Rawatan serentak sisa buangan air industri tekstil dan makanan dalam rawatan biologi dengan bantuan sinaran mengion<br>Simultaneous treatment of textiles and food base industrial wastewater in biological treatment with the aid of ionizing radiation | PI 2014700781 |
| 3. | Modular terapung untuk penternakan akukultur<br>Floating modular for aquaculture farming | PI2014700005 |
| 4. | Sensor gas tiub nano karbon berdinding-tunggal berbilang saluran<br>Multichannel single-walled carbon nanotube gas sensors | PI2014700263 |

## 8.3 Hasilan P&P berpotensi dikomersialkan

### 8.3.1 Mutan padi untuk diabetik dan obesiti

Mutan padi telah dihasilkan melalui penyinaran biji benih induk MR219 menggunakan alur ion di JAEA, Takasaki, Jepun pada 2009. Analisis agronomi, fisiokimia dan komposisi nutrisi telah dijalankan ke atas mutan-mutan ini. Mutan ML3 dan ML30 mempunyai indeks glisemik sederhana (56-69) dan didapati sesuai digunakan sebagai beras diet untuk pesakit diabetes. Mutan ML10 pula mempunyai kandungan serat yang tinggi (8.20 g/100 g) dan sesuai sebagai diet untuk mereka yang mengalami masalah obesiti atau kegemukan.

## 8.3 R&D findings with commercial potential

### 8.3.1 Rice mutant for diabetic and obesity

Rice mutants were generated through irradiation of MR219 parent seeds using ion beams at JAEA, Takasaki, Japan in 2009. The mutants were subjected to agronomic performance, physio-chemical and nutritional composition analyses. Mutants ML3 and ML30 have medium glycemic index (56-69) and therefore is recommended to be used as diet rice for diabetic patients. Mutant ML10 has high dietary fiber (8.20 g/100 g) and dietary food for people with overweight problem.

Foto 8.1 Mutan padi rendah indeks glisemik
Photo 8.1 Low glycemic index rice mutant

### 8.3.2 Kit radiofarmaseutikal untuk penyakit jantung koronari (CHD)

Pengesanan awal penyakit jantung koronari adalah sangat penting dalam mengurangkan kematian disebabkan oleh penginfarkan miokardium. Salah satu kaedah pengesanan paling sensitif ialah melalui radioimej menggunakan radiofarmaseutikal teknetium-99m (Tc-99m). Lanjutan daripada kecemerlangan Nuklear Malaysia dalam pembangunan radiofarmaseutikal, kajian telah dijalankan ke atas formulasi kit radiofarmaseutikal berasaskan Tc-99m untuk penyakit jantung koronari. Agen pengimejan yang bertindak cepat dan spesifik

### 8.3.2 Radiopharmaceutical kit for coronary heart disease (CHD)

Early detection of coronary heart disease is very important in reducing mortality due to myocardial infarction. One of the most sensitive detection methods is by radioimaging using Technetium-99m (Tc-99m) radiopharmaceuticals. Continuing Nuclear Malaysia's excellence in radiopharmaceutical development, research was conducted in the formulation of a Tc-99m based radiopharmaceutical kit for coronary heart disease. An imaging agent that localised quickly and specifically in areas of

di bahagian 'parut' atau otot jantung mati boleh memberikan maklumat diagnostik yang kritikal. Radiofarmaseutikal infark-avid sangat berguna untuk mendiagnosis penginfarkan miokardium akut dengan pantas dan tepat.

### 8.3.3 Kanji karboksimetil (CMS) sebagai pembawa nano

Sistem penyampaian ubat adalah bidang penyelidikan yang giat dibangunkan di Nuklear Malaysia sejak beberapa tahun lalu. Salah satu bahan utama yang digunakan dalam kajian ini ialah kanji sagu yang memainkan peranan penting dalam penyelidikan polimer kerana ia adalah sumber asli dan bersifat biodegradasi. Sagu karboksimetil (CMS) (Foto 8.2) merupakan polisakarida larut air yang banyak digunakan dalam industri makanan dan bukan makanan. CMS mempunyai beberapa kelebihan berbanding kanji lain dari segi kestabilan termal, taut-silang pradominan dan keterlarutan yang tinggi serta lebih banyak digunakan dalam industri penggerudian minyak, farmaseutikal, kosmetik, nutrien, pestisid, bahan makanan dan pengkapsulan sel. Penyelidik Nuklear Malaysia telah mendapati CMS mempunyai ketoksikan yang rendah dan boleh digunakan sebagai pembawa-nano untuk menyampaikan ubat ke dalam tubuh, terutamanya bagi ubat terapeutik yang kurang menyerap melalui pengambilan secara oral. Foto 8.3 menunjukkan ujian kemautan menggunakan udang air masin untuk menganalisis ketoksikan.

'scarred' or dead heart muscle could provide critical diagnostic information. Infarct-avid radiopharmaceuticals are useful for rapid and timely diagnosis of acute myocardial infarction.

### 8.3.3 Carboxymethyl starch (CMS) as nano-carriers

Drug delivery system has been an active field of study at Nuclear Malaysia for several years. One of the most studied materials for this purpose is sago starch as it plays an important role in polymer research due to its natural source and biodegradable. Carboxymethyl starch (CMS) (Photo 8.2) is a water soluble polysaccharide that has many applications in the food and non-food industry. CMS has several advantages over other starches in terms of thermal stability, predominant crosslinking and higher dissolubility as wells as, its wide usage in the oil drilling industry, pharmaceuticals, cosmetics, nutrients, pesticides, foodstuff and encapsulation of cell. Researchers at Nuclear Malaysia have determined that the preparation has low toxicity and as such can be used to form nano-carriers to deliver drugs, especially for oral administration of poorly absorbed therapeutic drugs. Photo 8.3 shows lethality test using brine shrimp to analyze toxicity.

Foto 8.2 Penyediaan CMS daripada kanji sagu (Metroxylonsp)
Photo 8.2 Preparation of CMS from sago starch (Metroxylonsp)



Foto 8.3 Ujian kemautan udang air masin sedang dilakukan untuk menganalisis ketoksikan
Photo 8.3 The brine shrimp lethality test is carried out to analyze toxicity

### 8.3.4 Sangkar akuakultur terapung

Biokomposit berpontesi digunakan sebagai alternatif kepada bahan kayu sebagai struktur sangkar akuakultur terapung. Dengan kerjasama antara Agensi Nuklear Malaysia (MOSTI) dengan Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani), projek ini menggunakan sumber yang boleh dikitar semula seperti sisa tandan kosong dari ladang kelapa sawit, habuk kilang papan dan sekam padi sebagai bahan asas. Bahan-bahan ini diadun menggunakan teknologi iradiasi ultra bunyi untuk menghasilkan bahan nanohibrid biokomposit yang digunakan dalam struktur sangkar akuakultur. Hasil pembangunan teknologi ini juga dapat mengurangkan pembuangan sisa pepejal, perlepasan karbon dan penggunaan tenaga berbanding aktiviti pembakaran bahan gentian sebelum ini. Justeru itu, projek penyelidikan ini dikategorikan sebagai teknologi hijau. Bagi sektor perikanan negara, projek ini boleh menyumbang kepada kesejahteraan sosioekonomi negara dalam industri hiliran dan industri huluan, contohnya dalam pengeluaran dan penggunaan nanohibrid biokomposit untuk pembangunan struktur sangkar akuakultur (Foto 8.4 dan 8.5).

### 8.3.4 Floating aquaculture cage

Biocomposites has the potential to be an alternative to wood as a structural base for an aquaculture cage. With a joint collaboration between Nuklear Malaysia (MOSTI) and Fisheries Research Institute, Department of Fishery (Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry), the project utilizes recycled resources such as empty fruit bunch waste fibres from oil palm plantation, saw mill dust and rice husks as basic materials. These materials were blended using ultrasonic irradiation technology to producethe nanohybrid biocomposite material to be used as structures for the aquaculture cage. This technology has the potential to reduce solid waste disposal, carbon emission and energy usage when compared to the previous practice of fiber burning and thus can be considered as a green technology. For the national fisheries sector, this project could contribute to the socio-economic well being in the downstream and upstream industry, such as the production and usage of the nanohybrid biocomposite based aquaculture cage (Photo 8.4 and 8.5).



Foto 8.4 Sangkar terapung biokomposit nanohibrid yang diperbuat daripada sisa tandan kosong kelapa sawit
Photo 8.4 Floating nanohybrid biocomposite cage made from oil palm empty fruit bunch waste fibres

Foto 8.5 Ujian ketahanan dalam persekitaran akuakultur sebenar
Photo 8.5 Durability tests in an actual aquaculture environment.

### 8.3.5 Agen penggalak pertumbuhan dan imuniti pokok

Oligokitosan ialah produk tambahan alternatif yang sangat berkesan sebagai penggalak pertumbuhan dan meningkatkan ketahanan pokok terhadap penyakit. Ia dihasilkan melalui tindak balas degradasi kitosan menggunakan sinaran gama. Bahan asas oligokitosan, iaitu kitosan, diperolehi daripada sumber kitin iaitu daripada rangka luar haiwan krustasia (udang, ketam), serangga dan dari dinding sel kulat dan alga. Kitosan dikelaskan sebagai polimer semula jadi yang tidak toksik, mudah terbiodegradasi, bioserasi dan polimer boleh diperbaharui. Oligokitosan dengan julat molekul 10 kDa hingga 20 kDa memberikan kesan yang sangat efektif ke atas kadar pertumbuhan, imuniti pokok serta hasil. Penggunaan oligokitosan ke atas tanaman padi, cili, mulberi, kultur tisu pisang dan nanas telah terbukti berkesan. Foto 8.6 menunjukkan aplikasi oligokitosan ke atas tanaman cili.

### 8.3.5 Plant growth promoter and elicitor

Oligochitosan is an alternative plant supplement which is effective in enhancing plant growth as well as increasing plant immunity against disease (elicitor). It is derived from the degradation of chitosan using gamma radiation. The raw material of oligochitosan is chitosan which is taken from the exoskeleton of crustaceans (shrimps, crabs), insect and also the cell wall of fungi and algae. Chitosan is non-toxic biodegradable, biocompatible and renewable polymer. Oligochitosan with molecular weight ranging from 10k to 20k Dalton shows promising results on plant growth, elicitation effect and yield. Application of oligochitosan on paddy, chilli, and mulberry as well as banana and pineapple tissue culture have proven to be very effective. Photo 8.6 shows the application of oligochitosan on chilli plants.


Oligokitosan
Oligochitosan

Semburan cecair oligokitosan ke atas pokok cili
Oligochitosan liquid spray on chilli plants

Tapak ujian penanaman cili
Chilli plantation test sites

Hasil pokok cili yang telah matang
Yield from mature chili plants

Foto 8.6 Aplikasi oligokitosan ke atas penanaman pokok cili
Photo 8.6 Oligochitosan application on chilli cultivation

## 8.4 Peralatan utama saintifik

### 8.4.1 Pembilang sintilasi cecair, Quantulus 1220 (Ultra rendah)

Pembilang sintilasi cecair, Quantulus (Foto 8.7) ialah pembilang khusus untuk alam sekitar yang kecekapannya terbukti tiada tandingan untuk mengukur kepekatan yang sangat rendah bagi radionuklid buatan manusia, kosmogenik dan lain-lain radionuklid semula jadi. Peralatan ini digunakan untuk pembilangan alfa/beta, khususnya untuk sampel yang mengandungi campuran sinaran alfa/beta/gama. Ia mempunyai kecekapan pembilangan yang tinggi dengan latar belakang 3H yang rendah. Teknik mencampurkan bahan aktif dengan sintilator cecair untuk membolehkan pembilangan yang lebih cekap telah digunakan untuk mengukur keaktifan sampel radioaktif dan membilang pancaran foton yang terhasil. Sesetengah bahan sebatian kimia dan sampel yang sangat berwarna boleh mengganggu proses pembilangan. Gangguan ini dikenali sebagai pelindapan (quenching), boleh diatasi melalui pembetulan data atau penyediaan sampel yang cermat. Pemancar beta bertenaga tinggi seperti fosforus-32 (32P) juga boleh dibilang dalam pembilang sintilasi tanpa koktel, sebagai ganti menggunakan larutan akueus. Teknik ini dikenali sebagai pembilangan Cerenkov yang bergantung kepada sinaran Cerenkov yang dikesan secara langsung oleh tiub 'photomultiplier'. Teknik Cerenkov biasanya digunakan untuk pengukuran yang cepat dan kasar kerana geometri sampel boleh menghasilkan kepelbagaian output. Peralatan ini sesuai untuk penggunaan seperti tentumur radiokarbon dan pembilangan Cerenkov. Peralatan ini memenuhi permintaan agensi-agensi swasta dan kerajaan terutamanya untuk pengukuran radionuklid tritium (3H) dalam sampel urin, air dan ais.

## 8.4 Main scientific equipments

### 8.4.1 Liquid scintillation counter, Quantulus 1220 (Ultra low)

Liquid Scintillation Counter, Quantulus (Photo 8.7) is a dedicated counter for environmental samples with proven, unsurpassed performance measuring extremely low concentrations of man-made, cosmogenic and other natural radionuclides. This equipment is used for alpha/ beta counting, especially for samples containing a mixture of alpha/ beta/gamma radiation. It has a high counting performance with low 3H. The technique of mixing active material with a liquid scintillator for more efficient counting have been used to measure the activity of radioactive sample, and the resultant photon emissions counted. Some chemical compounds and colored samples can interfere with the counting process. This interference, known as "quenching", can be overcome through data correction or careful sample preparation. High-energy beta emitters such as phosphorus-32(32P) can also be counted in a scintillation counter without the cocktail, but using an aqueous solution instead. This technique known as Cerenkov counting relies on the Cerenkov radiation being detected directly by the photomultiplier tubes. The Cerenkov technique is normally used forquick and rough measurements, since the geometry of the sample can create variations in the output. This equipment is suitable for applications such as radiocarbon dating and Cerenkov counting which meets the requirements of private and government agencies particularly for measurement of tritium (3H) in urine samples, water and ice.

Foto 8.7 Pembilang sintilasi cecair ultra rendah
Photo 8.7 Ultra low liquid scintillation counter

### 8.4.2 Petelelihat akustik

Petelelihat akustik (Foto 8.8) berfungsi untuk menghasilkan imej yang berkualiti tinggi dalam mengenalpasti dan mengorientasi keretakan, kajian stratigrafi, kajian tekanan tempatan dan orientasi teras. Di Nuklear Malaysia, peralatan ini digunakan untuk menjana imej dinding lubang gerudi dengan menghantar denyutan ultrabunyi terhadap pembentukan sensor berputar, merekodkan amplitud dan masa perjalanan isyarat yang dipantulkan. Rekod amplitud memaparkan kontras "impedance" (galangan) antara batuan dan cecair. Masa perjalanan digunakan untuk menentukan ketepatan data diameter lubang gerudi, menjadikan alat yang unggul untuk mendiskripsi kecacatan lubang gerudi.

### 8.4.2 Acoustic televiewer

Acoustic televiewer (Photo 8.8) functions to create high quality images in identifying and orientating fractures, stratigraphic studies, studies of local pressure and core orientation. In Nuclear Malaysia, this equipment is used to generate images of borehole wall by sending pulses of ultrasound sensor which rotates towards the formation, record the amplitude and travel time of the reflected signal. The amplitude recorded represents of the impedance contrast between the rocks and fluid. The travel time is used to determine accurate borehole diameter data, which makes the tool ideal for borehole deformation description.

Sebelum sebarang analisis dilakukan, data perlu diproses terlebih dahulu. Beberapa proses yang terlibat di dalam penambahbaikan kualiti data ialah:

(i) interpolasi (sisipan) data yang hilang

(ii) penormalan imej

(iii) imej terintergrasi

(iv) penalaan kontra dan kecerahan

Data boleh dipaparkan sebagai imej, lengkungan atau paparan silinder 3D. Setiap fitur planar merakam azimut, kemiringan dan bukaan. Setiap ciri fitur boleh dikategorikan dengan menggunakan perisian ToadCAD. Perisian ini akan memberikan pemahaman terhadap struktur, termasuk ruang kerja dengan polar kemiringan, menaik dan plot vektor. Modul perisian merangkumi proses-proses tertentu seperti pengiraan "calipers" daripada imej masa perjalanan, menunjukkan kekuatan batu dan pemantulan imej.

Before any analysis is performed, data must be processed first. Some of the processes involved in improving data quality are:

(i) interpolation of missing data

(ii) normalization image

(iii) integrated image

(iv) tuning cons and brightness

Data can be displayed as images, curvature or 3D cylindrical display. Each planar feature records the azimuth, inclination and opening. Each of its features can be categorized by using ToadCAD software. This software will provide an understanding of the structures, including work space with polar tilt, rise and vector plot. Software modules include specific processes such as calculating callipers from travel time image, showing rock strength and reflectivity of image.

Foto 8.8 Petelelihat akustik digunakan untuk menghasilkan imej yang berkualiti tinggi dalam mengenal pasti keretakan dinding lubang gerudi
Photo 8.8 Acoustic televiewer used to create high quality images in identifying fractures of borehole wall

### 8.4.3 Pembilang seluruh badan

Pembilang seluruh badan (Foto 8.9) ialah alat yang digunakan untuk mengukur dan mengenal pasti radionuklid dalaman di dalam tubuh atau organ. Pengukuran ini digunapakai terutamanya untuk bahan radioaktif yang memancar sinar gama. Pengukuran boleh ditentukan dengan menggunakan pengesan radiasi luar. Kelebihan pembilang seluruh badan ialah kebolehan mengukur kandungan radionuklid dalam badan secara langsung, tidak bergantung kepada kaedah tidak langsung (seperti urinalisis) dan dengan itu ia boleh mengukur radionuklid tidak larut di dalam paru-paru. Kaedah ini dipanggil pengukuran secara langsung atau pemantauan in vivo.

### 8.4.3 Whole body counter

Whole body counter (Photo 8.9) is a device used to measure and identify radionuclides in the body or organ. The measurement is primarily applicable to radioactive material that emits gamma rays and is determined by employing an external radiation detector. The advantage of whole body counting is the ability to measure the content of radionuclides in the body directly, does not rely on indirect methods (such as urinalysis) and able to measure insoluble radionuclides in the lungs. This method is called a direct measurement or in vivo monitoring.

Foto 8.9 Pembilang seluruh badan
Photo 8.9 Whole body counter

### 8.4.4 Meter tinjau

Meter tinjau ialah pengesan radiasi mudah alih dan peralatan pengukuran yang digunakan untuk memeriksa kakitangan, peralatan dan kemudahan bagi pencemaran radioaktif atau mengukur sinaran mengion ambien (untuk menilai bahaya pendedahan langsung). Meter tinjau pegang-tangan merupakan peralatan pengukuran sinaran yang paling dikenali masyarakat kerana penggunaannya yang meluas. Meter tinjau pegang-tangan yang paling lazim digunakan ialah pembilang sintilasi untuk pengukuran zarah alfa, beta dan neutron; pembilang Geiger yang digunakan secara meluas untuk mengukur aras alfa, beta dan gama; dan kebuk ion yang digunakan untuk pengukuran beta, gama dan sinar-x. Nuklear Malaysia mengguna pakai pelbagai jenis meter tinjau untuk mengukur dos terendah sehingga ke dos paling tinggi (Foto 8.10 - 8.12).

### 8.4.4 Survey meter

Survey meters are portable radiation detection and measurement equipment used to check personnel, equipment and facilities for radioactive contamination or to measure ambient ionising radiation (to evaluate direct exposure hazard). The hand-held survey meter is the most well known radiation measurement equipment to the public because of its extensive use. The most commonly used hand-held survey meters are the scintillation counter for the measurement of alpha, beta and neutron particles; Geiger counter which is widely used to measure alpha, beta and gamma levels; and ion chamber which is used for the measurement of beta, gamma and x-ray. Nuclear Malaysia uses various types of survey meters to measure the lowest up to high doses (Photo 8.10 – 8.12).

Foto 8.10 Meter tinjau dos tinggi
Photo 8.10 High dose survey meter

Foto 8.11 Meter tinjau dos rendah
Photo 8.11 Low dose survey meter


Foto 8.12 Meter tinjau pengenalan nuklid
Photo 8.12 Nuclide identification survey meter

### 8.4.5 Mikroskop daya atom (AFM) XE-70

Mikroskop daya atom (AFM) (Foto 8.13) ialah antara alat penting untuk pengimejan dan pengukuran pada skala bersaiz nano. AFM berbeza dengan mikroskop-mikroskop yang lain. Ia tidak menghasilkan imej melalui penumpuan cahaya (mikroskop optikal) atau elektron (mikroskop elektron) ke atas sesuatu permukaan. Ia secara fizikal seolah-olah menyentuh permukaan sampel dengan prob yang tajam, menghasilkan peta ketinggian permukaan sampel. Ini berbeza daripada mikroskop pengimejan yang mana ia mengukur projeksi 2D permukaan sampel. Projeksi 2D ini tidak mempunyai maklumat ketinggian. Oleh itu, sampel perlu diputarkan untuk mendapatkan ketinggian permukaan sampel. Data daripada AFM mesti diolah untuk menghasilkan imej (Foto 8.14). Proses pengolahan ini mudah dan amat fleksibel. Data ketinggian yang diperolehakan diolah menggunakan sistem perisian yang ringkas untuk menghasilkan imej sampel. Data ketinggian ini juga memudahkan untuk pengukuran tinggi, panjang, lebar atau isipadu daripada imej yang dihasilkan.

### 8.4.5 Atomic force microscope (AFM) XE-70

Atomic force microscope (AFM) (Photo 8.13) is one of the main tools for imaging and measuring at the nanoscale. AFM is rather different from other microscopes as it. It does not form an image by focusing light (optical microscope) or electrons (electron microscope) onto a surface. It physically 'feels' the sample's surface with a sharp probe, building up a map of the height of the sample's surface. This is very different from an imaging microscope which measures a two-dimensional projection of a sample's surface. Such a two-dimensional image does not have any height information in it. Therefore, the sample must be rotated in order to see height of the feature. The data from an AFM must be treated to form an image (Photo 8.14) and the treatment is rather simple and very flexible. From the collected height data, images can be generated using simple analysis software. The height data simplifies the measurement of height, length, width or volume of any feature in the image




Foto 8.13 Mikroskop daya atom (AFM)
Photo 8.13 Atomic force microscopy (AFM)



Foto 8.14 Data imej sampel yang dijana oleh mikroskop daya atom (AFM) sedang diolah menggunakan perisian
Photo 8.14 Sample image data generated by the atomic force microscopy (AFM) were analysed using the software

### 8.4.6 Zetasizer

Alat Zetasizer (Foto 8.15 dan 8.16) berjulat nano mempunyai keupayaan untuk mengukur dua sifat partikel/molekul di dalam media cecair iaitu saiz dan keupayaan zeta. Untuk analisis saiz partikel, alat ini menggunakan teknologi Non-Invasive Backscattered Scattering (NIBS) yang membolehkan pengiraan saiz partikel di dalam julat 0.6 nm sehingga 6 µm. Untuk analisis keupayaan zeta, alat ini sangat sensitif dan mampu menghasilkan data dengan ketepatan dan resolusi yang tinggi. Ini hanya boleh dicapai setelah alat ini dilengkapi teknologi yang menggabungkan teknik Laser Doppler Velocimetry (LDV) dan Phase Analysis Light Scattering (PALS). Dengan menggunakan teknik yang telah dipatenkan oleh pihak Malvern ini, sampel yang mempunyai partikel yang kurang bergerak juga boleh dianalisis. Alat ini tidak memerlukan penyenggaraan malah menyediakan aplikasi yang serbaguna iaitu analisis saiz partikel/molekul termasuk kepoliserakan koloid di dalam bidang nanopartikel, opto-elektronik, protein, polimer dan farmaseutikal, mengoptimumkan proses penghasilan melalui pengiraan keupayaan zeta yang menganalisis kestabilan emulsi dan kestabilan formulasi, rawatan air, kebolehupayaan pigmen dan penentuan bahan asing. Zetasizer juga dilengkapi dengan alat pentitratan automatik dan pengiraan beraliran.

### 8.4.6 Zetasizer

The Zetasizer (Photo 8.15 and 8.16) nano range instrument provides the ability to measure two characteristic of particles/molecules in a liquid medium; particle/molecule size and zeta potential. For particle size analysis, it uses the Non-Invasive Backscattered Scattering (NIBS) built-in technology which enables measurements of particles from 0.6nm to 6 µm. Meanwhile, for zeta potential analysis this equipment offers high sensitivity, accuracy and resolution, which is achieved using Malvern's patented technique through a combination of Laser Doppler Velocimetry (LDV) and Phase Analysis Light Scattering (PALS). Using this technique, even samples of very low mobility can be analyzed. This equipment brings the practicality of a maintenance-free system with the versatility of applications such as; particle size analysis including the polydispersity of colloids in the field of nano-particles, optoelectronics, proteins, polymers, and pharmaceuticals; optimizing production process using zeta potential analysis via measurement of emulsion stability, formulation stability, water treatment, pigment performance and impurity determination. The Zetasizer system is also equipped with an Autotitrator which can be used to perform fully autotitration and trend measurements.





Foto 8.15 Malvern Zetasizer ZEN 3600
Photo 8.15 Malvern Zetasizer ZEN 3600

Foto 8.16 Proses menganalisis sampel menggunakan Zetasizer
Foto 8.16 Sample analyzing processing using Zetasizer

### 8.4.7 Mikroskop elektron imbasan (SEM) meja

Kegunaan mikroskop elektron imbasan (SEM) meja (Foto 8.17) adalah amat luas dan merangkumi bidang-bidang seperti sains bahan, semikonduktor, gemologi, perubatan, sains forensik, sains hayat dan pendidikan. Antara spesifikasi asas alat ini adalah berkeupayaan melakukan pembesaran imej pada julat magnifikasi 20-15,000 kali. SEM meja juga boleh menghasilkan imej SEM beresolusi tinggi pada voltan pecutan 5 kV, 10 kV atau 15 kV. Salah satu kelebihan alat SEM ini adalah jangka masa proses muat naik dan muat turun sampel yang mengambil masa kurang daripada 30 saat. Penyediaan sample (Foto 8.18) juga merupakan proses yang sangat mudah dan cepat yang mana pengimejan terus boleh dibuat tanpa melakukan penyalutan pada sampel. Penggunaan tenaga juga rendah.

### 8.4.7 Dekstop scanning electron microcopy (SEM)

This desktop scanning electron microcopy (SEM) (Photo 8.17) can be used in the fields of material science, semiconductor, gemology, medical, forensic science, life science and education. It consists of an imaging unit and is equipped with a 19'' monitor, rotary knob, power supply, pre-vacuum pump and standard sample holder. The magnification range for a desktop SEM is about 20 – 15,000-x. High resolution SEM images can be obtained by using acceleration voltages of about 5 kV, 10kV and 15kV for outstanding high resolution SEM images. One of the major advantages of this SEM is it requires less than 30 seconds for sample loading and unloading. Sample preparation (Photo 8.18) involves simple and fast process which allows direct imaging without any prior coating. The energy consumption is very low for this type of SEM.


Foto 8.17 Mikroskop elektron imbasan (SEM) meja
Photo 8.17 Dekstop scanning electron microcopy (SEM)




Foto 8.18 Penyediaan sampel untuk pengimejan menggunakan SEM meja
Photo 8.18 Sample preparation for imaging using desktop SEM

### 8.4.8 Pemecahan alir-medan aliran tidak simetri-serakan cahaya laser pelbagai sudut (AFFFF-MALLS)

AFFFF-MALLS merupakan kaedah kombinasi yang digunakan untuk analisis dan pencirian pelbagai jenis polimer dan bahan-bahan yang berkaitan. AFFFF menyediakan kaedah pemisahan untuk pecahan jisim molar dan MALLS digunakan untuk analisis struktur molekul. AFFFF digunakan untuk memisah molekul-molekul besar, agregat dan partikel, berdasarkan saiz polimer. Dalam sistem AFFFF, proses pemisahan sampel terbentuk melalui perbezaan pergerakannya dalam alir medan yang digerakkan oleh aliran cecair (eluen) yang melalui membran dan rentasan saluran. Sistem AFFFF-MALLS (Foto 8.19) ini terdiri daripada pelbagai pengesan seperti serakan cahaya laser pelbagai sudut, sel indeks refraktif pembezaan dan sel serapan UV, di mana pengujian berat purata berat molekul (MW), berat molekul purata bilangan (Mn), jejari akar puratakuadrat (legaran) (Rg) dan pekali viral kedua (A2) terhadap polimer boleh dijalankan. Di samping itu, analisis AFFFF-MALLS menyediakan informasi bentuk (konformasi) polimer, koefisien gerakan dan radius hidrodinamik. Contoh sampel-sampel yang boleh dianalisis menggunakan AFFFF-MALLS ialah (i) Polimer sintetik dan polimer semulajadi, (ii) partikel koloid nano/mikro, (iii) sample alam sekitar dan (iv) biologi. Foto 8.20 menunjukkan proses penganalisisan sampel menggunakan AFFFF-MALLS.

### 8.4.8 Asymmetrical Flow Field-Flow Fractionation-Multi Angle Laser Light Scattering (AFFFF-MALLS)

The AFFFF-MALLS is a combined method for analysis and characterization of a variety of polymers and related materials. AFFFF provide separation method for molar mass fraction and the MALLS is employed for molecular structure analysis. The AFFFF is used to separate larger molecules, aggregates and particles, based on polymer size. In the AFFFF system, the separation process is obtained by the difference in mobility (where small molecules diffuse faster than big molecules) in the flow field induced by liquid flow (eluent) over the membrane and across the channel.This AFFFF-MALLS system (Photo 8.19) consists of different detectors such as multi angle laser light scattering, differential refractive index and UV absorbance cell, which allows the determination of average molecular weight (MW), average molecular weight number(Mn), root mean squared radius (of gyration) (Rg) and second viral coefficient (A2) of the polymers. Futhermore, the AFFFF-MALLS analysis also provides information on the shape (conformation) of the polymers, diffusion coefficients and hydrodynamic radius.Examples of samples which can be analyzed using the AFFFF-MALLS are (i) synthetic or natural polymers, (ii) nano/micro colloidal particles, (iii) environmental samples and (iv) biological materials. Photo 8.20 shows sample analysis process using AFFFF-MALLS.


Foto 8.19 Sistem AFFFF-MALLS
Photo 8.19 AFFFF-MALLS system

Foto 8.20 Penganalisisan sampel menggunakan AFFFF-MALLS
Photo 8.20 Samples analysing using AFFFF-MALLS

### 8.4.9 Pengecam mudah alih nuklid gama

Pengecam mudah alih nuklid gama digunakan untuk mengesan sinar gama dan mengenalpasti radionuklid. Ia boleh digunakan di makmal atau pengukuran di lapangan. Peranti ini terdiri daripada dua pengesan untuk menentukan kadar dos gama pada julat yang luas daripada < 0.05 µSv/jam ke > 10000 µSv/jam. Ia boleh membuat penentuan yang tepat dan cepat tanpa memerlukan penglibatan pakar. Bagi kadar dos yang rendah di bawah 20 µSv/jam, kadar dos ditentukan daripada spektrum pengesan germanium lampau tulen (HPGe). Bagi kadar dos lebih besar daripada nilai ini, tiub Geiger Muller yang terpampas/diimbangi dalaman digunakan secara automatik. Kecekapan relatif dan resolusi pengesan pada tenaga 1333 keV Co-60 adalah masing-masing 45% dan 1.96 keV. Pengesan disejukkan oleh miniatur, kebolehpercayaan penyejuk mekanikal yang tinggi membuatkan nitrogen cecair tidak diperlukan. Peranti ini dilengkapi perkakasan sistem kedudukan global (GPS) dan boleh disambungkan ke komputer luar untuk operasi analisis pelbagai saluran (MCA)

### 8.4.10 Sistem Dosimeter Pendar Kilau Haba

Sistem dosimeter pendar kilau haba yang dikenali sebagai dosimeter termoluminesen (TLD) ialah alat yang lazim digunakan untuk mengukur aras sinaran alam sekitar. Ia juga digunakan bagi pengukuran dos pekerja yang bekerja dengan punca sinaran mengion seperti sinar-X dan bahan radioaktif. Pengukuran dan pemantauan aras sinaran alam sekitar adalah mengikut keperluan Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 yang dikeluarkan di bawah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB). Alat ini telah digunakan bagi tujuan pemantauan berterusan di kawasan sekitar Nuklear Malaysia dan turut digunakan dalam menyediakan khidmat kepada syarikat swasta.

### 8.4.9 Portable Gamma Nuclide Identifier

The portable gamma nuclide identifier is used for gamma ray detection and radionuclide identification. It can be used for laboratory or on-site field measurement. The device consists of two detectors for determining the gamma dose rate over a wide range from <0.05 µSv/h to >10000 µSv/h and can make an accurate and fast determination without the need for expert intervention. For low dose rates (below 20 µSv/h), the dose rate is determined from the high purity germanium (HPGe) detector spectrum. For dose rates above this value, the internal compensated Geiger Muller tube is automatically used. The relative efficiency and resolution of the detector at Co-60 energy 1333 keV is 45% and 1.96 keV, respectively. The detector is cooled by a miniature, high reliable mechanical cooler, and does not require liquid nitrogen. This device includes a global positioning system (GPS) and can be connected to an external computer for Multi Channel Analyser (MCA) operation.

### 8.4.10 Thermoluminescent Dosimeter

Glow heat fluorescence dosimeter system known as thermoluminescent dosimeter (TLD) is a tool used to measure environmental radiation levels. It is also used for measuring the dose of workers, working with various ionising radiation sources such as X-rays and radioactive materials. Measuring and monitoring environmental radiation levels are in accordance with the requirements of the Atomic Energy Licensing Regulations (Radiation Protection Basic Safety) 2010 issued by the Atomic Energy Licensing Board (AELB). This equipment is also used for continuous monitoring of Nuclear Malaysia's surrounding areas and for providing services to private companies.

## 8.5 Penerbitan

Sejumlah **702** kertas kerja telah berjaya diterbitkan sepanjang tahun 2014 yang meliputi buku (ilmiah dan umum), jurnal kebangsaan dan antarabangsa, kertas kerja konferens, penerbitan am dan teknikal. Butiran terperinci setiap kategori adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 8.10. Jumlah ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding rekod 2013 dan 2012 yang masing-masing berjumlah 683 dan 660 penerbitan (Rajah 8.3).

## 8.5 Publication

A total of 702 papers were successfully published throughout 2014 which include books (general and scientific), articles in international and national journals, and conference papers, general and technical publications. A detailed list of each category is shown in Table 8.10. The numbers showed a slight increase from those recorded in 2013 and 2012 with 683 and 660 publications, respectively (Figure 8.3).

Jadual 8.10 Jumlah penerbitan tahun 2014
Table 8.10 Total number of publications in 2014

| **Penerbitan**/ Publication | **Bilangan/ Number** |
|---|---|
| Buku/ Book | 6 |
| Bab dalam buku/ Chapter in book | 1 |
| Jurnal antarabangsa/ International journal | 62 |
| Jurnal kebangsaan/ National journal | 3 |
| Konferens antarabangsa/ International conference | 63 |
| Konferens kebangsaan/ National conference | 134 |
| Penerbitan umum antarabangsa<br>International general publication | 2 |
| Penerbitan umum kebangsaan<br>National general publication | 5 |
| Laporan teknikal/ Technical report | 426 |
| **Jumlah penerbitan**/ Total publication | 702 |

Rajah 8.3 Perbandingan bilangan penerbitan dari 2012 hingga 2014
Figure 8.3 Comparison on the number of publication from 2012 to 2014



## 8.6 Pengurusan harta intelek

Pada tahun 2014, Nuklear Malaysia telah berjaya mendapat pengesahan dua cap dagangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.11 dan juga telah memfailkan sebanyak empat paten (Jadual 8.12) dan tujuh mutan tanaman di bawah hak perlindungan varieti baru tumbuhan (PVBT) (Jadual 8.13).

## 8.6 Intellectual property management

In 2014, Nuclear Malaysia has been granted two trademarks as indicated in Table 8.11 and has also filed four patents (Table 8.12) as well as seven mutants under new plant variety protection right (Table 8.13).

Jadual 8.11 Senarai cap dagangan yang diperoleh
Table 8.11 List of trademarks granted

| **Bilangan** Number | **Perisian/** Software | **No paten** Patent no |
|---|---|---|
| 1. | Cap dagangan<br>Trademark "Gitachoc Delights" | 2013016304 (Class 30) |
| 2. | Cap dagangan<br>Trademark "Biogita Tea" | 2013016305 (Class 30) |

Jadual 8.12 Senarai paten yang difailkan
Table 8.12 List of patents filed

| **Bilangan** Number | **Perisian/** Software | **No fail** Filing no |
|---|---|---|
| 1. | Penambahbaikan kaedah dan radas pirolisis<br>An improved pyrolysis apparatus and method | PI2014700261 |
| 2. | Rawatan serentak sisa buangan air industri tekstil dan makanan dalam rawatan biologi dengan bantuan sinaran mengion<br>Simultaneous treatment of textiles and food base industrial wastewater in biological treatment with the aid of ionizing radiation | PI 2014700781 |
| 3. | Modular terapung untuk penternakan akukultur<br>Floating modular for aquaculture farming | PI2014700005 |
| 4. | Sensor gas tiub nano karbon berdinding-tunggal berbilang saluran<br>Multichannel single-walled carbon nanotube gas sensors | PI2014700263 |

Jadual 8.13 Senarai mutan yang difailkan di bawah hak perlindungan varieti baru tumbuhan
Table 8.13 List of mutants filed under new plant variety protection right

| **Bilangan** Number | **Perisian/** Software | **No fail Filing no** |
|---|---|---|
| 1. | Chrysanthemum morifolium Cream Marble | PVBT 008/14 |
| 2. | Chrysanthemum morifolium TIARA Red | PVBT 009/14 |
| 3. | Chrysanthemum morifolium Majestic Pink | PVBT 010/14 |
| 4. | Chrysanthemum morifolium Golden Eye | PVBT 011/14 |
| 5. | Dendrobium Sonia "Keena Pearl" | PVBT 012/14 |
| 6. | Chrysanthemum morifolium Yellow Sun | PVBT 013/14 |
| 7. | Dendrobium Sonia "Keena Pastel" | PVBT 014/14 |

## 8.7 Pencapaian inovasi

Sepanjang tahun 2014, Nuklear Malaysia telah menyertai dan memenangi beberapa pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara anugerah utama yang diterima oleh Nuklear Malaysia ialah pengiktirafan "Acheivement Awards in Mutation Breeding" oleh FAO/IAEA pada 25 September 2014. Pertandingan lain yang telah disertai di peringkat kebangsaan ialah Ekspo Inovasi Islam (i-Inova2014), Malaysia Technology Expo 2014 (MTE 2014), Research, Invention, Innovation and Design (Riid 2014), dan Malaysian Agriculture Innovation Challenge (MAGIC). Pencapaian Nuklear Malaysia dalam pertandingan inovasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.14.

## 8.7 Innovation achievement

Throughout 2014, Nuclear Malaysia has participated in various innovation events held nationally and internationally. Among the main awards received by Nuclear Malaysia was the "Achievement Awards in Mutation Breeding" from FAO/IAEA on 25 September 2014. Other innovation competitions participated nationally was the Islamic Innovation Expo (i-Inova14), Malaysian Technology Expo 2014 (MTE 2014), Research, Invention, Innovation and Design (Riid 2014) and Malaysian Agriculture Innovation Challenge (MAGIC). Details of Nuclear Malaysia's achievements in these events are shown in Table 8.14.

Jadual 8.14 Pencapaian inovasi Nuklear Malaysia
Table 8.14 Nuclear Malaysia's innovation achievement

(a)50th Anniversary of the Joint FAO/IAEA Division of Nuclear Techniques in Food and Agriculture

| **Bilangan** Number | **Anugerah/** Award | **Ahli Projek** Project Member |
|---|---|---|
| 1. | Anugerah Pencapaian dalam Biak Baka Mutasi<br>Achievement Award in Mutation Breeding | 2013016304 (Class 30) |

(b)Malaysian Technology Expo (MTE) 2014

| **Bilangan** Number | **Anugerah** Award | **Tajuk projek** Project title | **Ahli Projek** Project Member |
|---|---|---|---|
| 1. | Emas/ Gold | GasTec01 - Sensor gas nano berbilang saluran GasTec01- Multichannel Nano Gas Sensor | Dr. Kok Kuan Ying (Ketua / Leader), Dr. Ng Inn Khuan, Nur Ubaidah Saidin, Choo Thye Foo, Suhaila Hani Ilias, Che Zuraini Che Ab. Rahman, Lojius Lombijit, Dr. Leo Kwee Wah, Zaiton Selamat , Chong Foh Yoong |
| 2. | Emas/ Gold | BONIGENT - Sistem penyampaian ubat dalam tisu tulang BONIGENT - Drug Delivery System in Bone Tissue | Rusnah Mustaffa (Ketua / Leader), Fauziah Othman, Asmah Rahmat, Mohd Reusmaazran Yusof, Shaaban Kasim, Narimah Abu Bakar, Nasasni Nasrul |

(c)4th Exposition on Islamic Innovation 2014 (i-Inova2014)

| **Bilangan** Number | **Anugerah** Award | **Tajuk projek** Project title | **Ahli Projek** Project Member |
|---|---|---|---|
| 1. | Emas/ Gold | GasTec01 - Sensor gas nano berbilang saluran GasTec01- multichannel nano gas sensor | Dr. Kok Kuan Ying (Ketua / Leader), Dr. Ng Inn Khuan, Nur Ubaidah Saidin, Choo Thye Foo, Suhaila Hani Ilias, Che Zuraini Che Ab. Rahman, Lojius Lombijit, Dr. Leo Kwee Wah, Zaiton Selamat , Chong Foh Yoong |
| 2. | Emas/ Gold | Gawa – Papan partikel gaharu Gawa – Gaharu particle board | Dr. Seri Chempaka Mohd Yusof (Ketua), Salahbiah Abdul Majid, Siti Fatahiyah Mohamad, Salmah Moosa, Nadira Kamarudin, Foziah Ali, Rusnah Mustafa, Mohd Fajri Othman, Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri |

(d)Research, Invention, Innovation and Design (Riid 2014)

| **Bilangan** Number | **Anugerah** Award | **Tajuk projek** Project title | **Ahli Projek** Project Member |
|---|---|---|---|
| 1. | Emas/ Gold | Varieti padi rintang penyakit karah Rice blast disease resistant variety | Nor Aisyah Hassan (Ketua), Dr. Abdul Rahim Harun, Dr. Mohd Rafii Yusop, Dr. Shamsiah Abdullah, Dr. Nusaibah Syed Ali, Dr. Norlida Mazlan |

(e) Malaysian Agriculture Innovation Challenge (MAGIC)

| **Bilangan** Number | **Anugerah** Award | **Tajuk projek** Project title | **Ahli Projek** Project Member |
|---|---|---|---|
| 1. | Perak/ Silver | Mutan padi untuk diabetes dan obesiti Functional mutant rice for diabetes and obesity | Dr. Abdul Rahim Harun (Ketua ), Dr. Sobri Hussein, Dr. Rusli Ibrahim, Dr. Khairuddin Abdul Rahim, Asma Ilyani Kandar, Dr. Mohd Rafii Yusop, Fazliana Mohd Saaya, Dr. Shafii Khamis, Dr. Anna Ling Pick Kiong, Koh Rhun Yian, Dr. Atsushi Tanaka, Faiz Ahmad, Shakinah Salleh, Shyful Azizi Abd Rahman, Dr. Azhar Mohamad, Salmah Moosa, Latiffah Norddin, Asfaliza Ramli |

## 8.8 Kecemerlangan P&P

### 8.8.1 Pengiktirafan kecemerlangan penyelidikan

Nuklear Malaysia telah berjaya meneruskan momentum kecemerlangan P&P bagi tahun 2014. Pelbagai kejayaan, penemuan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dicapai dalam usaha untuk mengekalkan status Nuklear Malaysia sebagai institusi penyelidikan bertaraf dunia. Di peringkat antarabangsa, Nuklear Malaysia telah menerima pengiktirafan 'Achievement Award in Mutation Breeding' dari FAO/IAEA sempena ulang tahun ke-50 gabungan FAO (Food and Agriculture Organisation) dan IAEA Division of Nuclear Techniques in Food and Agriculture (Foto 8.21 dan 8.22) atas pencapaian membantu meningkatkan jaminan keselamatan makanan melalui biak baka mutasi dengan menghasilkan baka baru berkualiti.

Lanjutan dari kejayaan ini, Nuklear Malaysia telah menerima kunjungan pegawai tinggi agensi antarabangsa untuk melawat kemudahan penyinaran biak baka mutasi di Nuklear Malaysia, Rumah Hijau Gama. Antaranya ialah lawatan rasmi Chargé d'Affaires, U. S. Mission to the United Nations, Ms Laura E. Kennedy dan rombongan pegawai IAEA yang diketuai oleh Ketua Pengarah, Mr. Yukiya Amano (Foto 8.23 dan 8.24). Selain itu, projek bertajuk 'Penyelidikan Dan Pembangunan Baka Baru Tanaman Makanan Berasaskan Teknologi Nuklear' yang telah dilaksanakan sepanjang RMK10 telah dipilih sebagai projek terbaik RMK10 JKPO/ICU untuk agensi di bawah MOSTI berdasarkan kepada pencapaian cemerlang objektif, output dan outcome (Foto 8.25). Terkini Nuklear Malaysia juga telah diberi kepercayaan untuk meneraju dua projek P&P utama (torium dan siklotron) di bawah Program Flagship daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

## 8.8 R&D Excellence

### 8.8.1 Recognitions for research excellence

Nuclear Malaysia has continued its R&D excellence in 2014. Various accomplishments, discoveries and recognitions at national and international levels, reinforced Nuclear Malaysia's reputation as a world class research institution. Internationally, Nuclear Malaysia was awarded with the 'Achievement Award in Mutation Breeding' from FAO/IAEA in conjunction with the 50th anniversary of the Joint FAO (Food and Agriculture Organisation) and IAEA Division of Nuclear Techniques in Food and Agriculture (Photo 8.21 and 8.22). This award is in recognition for Malaysia's (lead by Nuclear Malaysia) achievements in helping to enhance food safety and security through mutation breeding to produce better crop varieties.

Following this success, Nuclear Malaysia has received several visits from high ranking officials from international agencies including Chargé d'Affaires, U. S. Mission to the United Nations, Ms Laura E. Kennedy and IAEA team lead by its Director General, Mr Yukiya Amano to the irradiation facility Gamma Greenhouse, used for mutation breeding projects (Photo 8.23 and 8.24). In addition, the project entitled 'Penyelidikan Dan Pembangunan Baka Baru Tanaman Makanan Berasaskan Teknologi Nuklear' was selected as the best project of 10MP JKPO/ICU under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) for its excellent achievement of objectives, outputs and outcomes (Photo 8.26). Currently, Nuclear Malaysia has been entrusted to lead two R&D projects with high potential (thorium and cyclotron) under the Flagship Program of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).


Foto 8.21 Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur dan Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, menerima anugerah dari Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Sains Nuklear dan Aplikasi IAEA, Mr. Aldo Malavasi di Vienna, Austria.

Photo 8.21 MOSTI Secretary-General, Datuk Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur and Director General Malaysian Nuclear Agency, Dato' Dr. Muhamad Lebai Juri, received the award from IAEA Deputy Director-General of the Department of Nuclear Sciences and Applications, Mr. Aldo Malavasi in Vienna, Austria.

Foto 8.22 Sijil anugerah "Achievement Award in Mutation Breeding" yang diterima Nuklear Malaysia dari FAO/IAEA

Photo 8.22 "Achievement Award in Mutation Breeding" certificate received by Nuclear Malaysia from FAO/IAEA

Foto 8.23 Lawatan rombongan U.S. Mission to the United Nations diketuai oleh Ms. Laura Kennedy ke Rumah Hijau Gama untuk melihat dengan lebih dekat kemudahan penyinaran untuk projek biak baka mutasi
Photo 8.23 The team from U.S. Mission to the United Nations lead by Ms. Laura Kennedy visited Gamma Greenhouse to gain knowledge on the irradiation facility for mutation breeding projects

Malaysia mampu urus kilang proses nadir bumi

*ano (kiri) mendengar penerangan mengenai padi baka mutasi di Rumah Hijau Gamma, Agensi klear Malaysia di Bangi, semalam.* [FOTO IHSAN AGENSI NUKLEAR MALAYSIA]

akui organisasi antarabangsa lain.

"Malaysia juga melaksanakan inisiatif tersendiri dengan menubuhkan badan pemantau bebas bagi mengawasi perjalanan operasi kilang itu," katanya pada sidang media selepas melawat Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, Datuk Dr Muhammad Lebai Juri; Ketua Lembaga Pengarah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom Malaysia (AELB), Datuk Prof Sukiman Sarmani dan Ketua Pengarah AELB, Hamrah Mohd Ali.

**Kilang di Gebeng**

Pada 30 November 2012, kilan Lynas Advanced Material Plant (LAMP) secara rasmi m mulakan operasinya di kaw san perindustrian Gebeng, P hang.

Bagaimanapun, operasin mengundang bantahan nyak pihak berkutan ada d waan ia memudaratkan berbahaya terhadap masy kat sekeliling.

Perkhidmatan ini adalah penting dalam merancang dan menjayakan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan teknologi di Nuklear Malaysia. Pada tahun ini perkhidmatan sokongan teknikal membelanjakan sejumlah RM 3.199 juta bagi pengurusan keseluruhan aset-aset agensi (Pecahan projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal adalah ditunjukkan dalam carta pie 10.1 di bawah).

## 10.1 Aktiviti Pembangunan Fizikal

Pembangunan fizikal adalah pelaksanaan rancangan pembinaan prasarana penyelidikan yang baru atau naiktaraf kemudahan awam serta lengkap dengan sistem elektrikal dan mekanikal. Aktiviti aset tak alih ini telah menelan belanja sebanyak RM 2.2 juta. Sementara pembangunan bukan fizikal adalah perolehan aset alih yang baru dan sejumlah RM 3.499 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan aktiviti tersebut. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Pembangunan fizikal - aset tak alih

- kolam bahan api nuklear terpakai
- mitigasi kecacatan bangunan Blok 37
- penambahbaikan makmal kalibrasi
- makmal EBM bertenaga rendah
- kolam air dan telaga tiub
- penyucuh plasma

(b) Pembangunan bukan fizikal - perolehan aset baru

- peralatan kualiti / piawai bagi kalibrasi instrumentasi nuklear
- bekas pemindahan bahan api nuklear
- pengesan neutron (kebuk fission)

(c) Perkhidmatan juruperunding

- menaik taraf teras dan sistem penyejuk RTP
- Audit Asian Rare Earth Fasa 2
- lain-lain perkhidmatan penyelidikan kecil

These services are essential in planning and performing research & development as well as technology commercialisation in Nuclear Malaysia. For the current year the total expenditure of technical support services is RM 3.199 million for managing all the agency's asset (The expenditure breakdown for physical and non-physical development is shown in the pie chart 10.1 below).

## 10.1 Physical Development Activities

Physical development is the implementation of planned construction of new and upgrading research infrastructure and public ultility inclusive of electrical and mechanical system. These fixed assets activities cost RM 2.2 million while for non-physical development i.e. acquiring of movable assets a total of RM 3,499 million has been allocated. Activities implemented are as follows:

(a) Physical development - fixed assets

- construction of spent fuel pool
- mitigation of PTK (block 37) building defects
- calibration laboratory improvements
- construction of low energy EBM laboratory
- water reservoir and tube well
- plasma torch

(b) Non-physical development - acquisition of new movable assets

- quality / standard instruments for nuclear instruments calibration
- nuclear fuel transfer cask
- neutron detector (fission chamber)

(c) Consultancy services

- Upgrading for reactor core and RTP cooling system
- Asian Rare Earth Phase 2 auditing.
- Other small research services




(a) Pembangunan fizikal – aset tak alih (a) Physical development – fixed assets




(b) Pembangunan bukan fizikal – aset alih (b) Non-physical development - movable assets




(c) Khidmat juruperunding (c) Consultacy services

Carta 10.1 Perbelanjaan aktiviti pembangunan di bawah RMK-10
Chart 10.1 Budget allocation for development under RMK-10

## 10.2 Aktiviti Penyenggaraan Dan Operasi Aset

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan keselesaan kakitangan, penjimatan kos, keselamatan serta kelancaran operasi organisasi sentiasa terjamin dan persekitaran kerja yang kondusif. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

penyenggaraan berkala dan komprehesif - seperti pembersihan bangunan, kerosakan kecil bangunan, jalan raya, pagar keselamatan dan lanskap.

- penyenggaraan bekalan kuasa elektrik, sistem pendingin hawa dan mekanikal
- penyenggaraan sistem dan infrastruktur ICT
- penyenggaraan sistem keselamatan (penggera kebakaran, kawalan akses, siaraya) dan telekomunikasi
- penyenggaraan aset alih seperti peralatan penyelidikan dan pejabat
- penyenggaraan kenderaan pejabat
- kendalian dan penyenggaraan RTP

Pecahan perbelanjaan pengurusan aset di dalam carta pie 10.2 adalah peruntukkan tahunan yang diluluskan oleh MOSTI.

## 10.2 Assets Maintenance And Operational Activities

This activity is to ensure the well being of staff, cost savings, safety and smooth operation of the organization as well as provide a condusive working environment. Activities that have been implemented are as follows:

periodic and comprehensive maintenance - cleaning services, small requisition building works, road and security fencing and landscaping

- maintenance of electrical power supply, air conditioning and mechanical system
- maintenance of ICT infrastructure and system
- maintenance of security (fire alarm, access control, public address) and telecommunication system
- maintenance of movable assets such as research instrument and office equipment
- office vehicle maintenance
- operation & maintenance of RTP

Breakdown of total expenditure on asset management is shown in pie chart 10.2 which is the annual allocation approved by MOSTI.




Carta 10.2 Pecahan perbelanjaan operasi dan penyenggaraan aset
Chart 10.2 Breakdown of expenditure on operation and maintenance of assets

### 10.2.1 Gambar aktiviti pembangunan projek fizikal
### 10.2.1 Photographs of activities of physical project

Foto 10.1 Naiktaraf dan pembaikan bangunan Blok PTK
Photo 10.1 Repair and upgrading PTK's building

Foto 10.2 Naiktaraf kolam tadahan air dan pemasangan pam di kompleks Bangi
Photo 10.2 Upgrading water pool and installation of pump at Bangi complex

Foto 10.3 Pendawaian dan pemasangan papan agihan elektrik di bangunan reaktor
Photo 10.3 Upgrading water pool and installation of pump at Bangi complex

(a) Pemasangan kabinet makmal (a) Installation of laboratory cabinet

(b) Pembinaan kaunter makmal (b) Construction of laboratory counter

(c) Naiktaraf sistem penghawa dingin (c) Upgrading air-conditioning system

(d) Naiktaraf pendawaian makmal (d) Upgrading laboratory wiring

Foto 10.4 Naiktaraf makmal di Blok 37
Photo 10.4 Laboratory upgrading at Block 37

## 10.2.2 Gambar aktiviti operasi dan penyenggaraan aset
## 10.2.2 Photographs of assets operation and maintenance activities



Foto 10.5 Operasi penyenggaraan aset tak alih (awam): pencucian bangunan penyenggaraan berkala komprehensif bangunan dan prasarana
Photo 10.5 Maintenance operation of fixed asset (public): cleaning of buildings, comprehensive periodic maintenance of buildings and infrastructure

Foto 10.6 Operasi penyenggaraan aset tak alih (awam): penyenggaraan berkala perkarangan dan pest-control
Photo 10.6 Maintenance operation of fixed asset (public): periodic maintenance of compound and pest-control

Membaiki meja kaunter di BKT
Repairing counter at BKT

Pembaikan di Blok 19
Repair work at Block 19

Pembinaan jalan Kompleks
Complex Dengkil road works

Penyenggaraan tangki kumbahan Blok 18
Maintenance of septic tank at Block 18

Pembaikan bumbung di WASTEC
Roofs repairs at WASTEC

Pembinaan semula longkang yang tertimbus
Reconstruction of buried drain

Foto 10.7 Operasi penyenggaraan aset tak alih (awam): Pembaikan bangunan dan kemudahan Nuklear Malaysia
Photo 10.7 Maintenance operation of fixed asset (public): Repairs of buildings and facilities at Nuclear Malaysia

Servis dan penyenggaraan penyaman udara jenis berasingan
Split unit air-conditioner maintenance and repairs

Servis sistem pengokol
Maintenance of chiller system

Servis sistem pengalihudaraan aktif
Maintenance of active ventilation system

Servis sistem pemampat udara
Maintenance of air compressor system

Foto 10.8 Operasi dan penyenggaraan prasarana kemudahan awam (mekanikal)
Photo 10.8 Operation and maintenance of the infrastructure of public utilities (mechanical)

Foto 10.9 Operasi dan penyenggaraan prasarana kemudahan awam (elektrikal)
Photo 10.9 Operation and maintenance of the infrastructure of public utilities (electrical)

## 10.3 Pembangunan Dan Perkhidmatan Teknologi

Nuklear Malaysia terlibat secara aktif dalam pelbagai projek pembangunan dan perkhidmatan teknologi. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Projek berkaitan torium – pengiraan tenaga termal neutron, dll.
- Pembangunan loji rintis – 5 unit
- Rekabentuk, fabrikasi, pemasangan, pengujian dan pentauliahan pelbagai peralatan, rig dan aksesori R&D - 150 permohonan disiapkan
- Peranti dan prototaip (mekanikal, sistem automasi & instrumentasi) - 40 projek dalam pembangunan
- Sistem akselerator termasuklah EBM, plasma fokus dan generator HV
- Pembangunan sistem dan prosidur untuk menyokong operasi RTP (keselamatan, kecekapan dan HCD)
- 3S – keselamatan sinaran, sekuriti dan kawalselia (internal dosimetry, alam sekitar, fizik perubatan, RF baseline mapping, radon mapping)
- Pembangunan perisian & aplikasi ICT
- Pembangunan makmal standard untuk Fizik Perubatan
- Projek kajian dan permodelan

## 10.3 Technology Development & Services

Nuclear Malaysia is also actively involved in various projects in technological development and services. Among the activities that have been carried out are as follows :

- Projects related to thorium - energy calculations of thermal neutrons, etc.
- Development of pilot plants – 5 units Design, fabrication, installation, testing and commissioning of various R&D equipment, rigs and accessories – 150 units completed
- Devices and prototypes (mechanical, automation & instrumentation systems). - 40 projects under development
- Accelerator system including EBM, plasma focus, HV generator
- Development of systems and procedures to support RTP operation (safety, efficiency and HCD)
- 3S – radiation safety, security and safeguard (internal dosimetry, environmental, medical physics, RF baseline mapping, radon mapping)
- Development of ICT software & applications
- Development of standard laboratory for Medical Physics.
- Research projects and modeling




Foto 10.10 Prototaip dan instrumentasi nuklear yang telah dihasilkan
Photo 10.10 Nuclear instrumentation and prototype produced

Foto 10.11 Rekabentuk, fabrikasi dan pemasangan penutup kapsul bahan radioaktif bagi misi pakar IAEA untuk projek Borehole di bangunan WASTEC
Photo 10.11 Design, fabrication and installation of radioactive material capsule cover for IAEA expert mission in 'Borehole' project at WASTEC

## 10.4 Khidmat Pelanggan (Helpdesk)

Khidmat pelanggan sudah bermula sejak dari tahun 2010 dan hingga sekarang penggunaannya telah melebihi satu ribu aduan setahun. Trend ini akan bertambah dengan keuzuran aset yang makin meningkat usia. Walaupun ianya baru beroperasi sepenuhnya mulai tahun 2012, beberapa penambahbaikan telah dilakukan untuk melancarkan perkhidmatan sokongan teknikal. Rajah di bawah merupakan jumlah aduan tahunan yang diterima dan yang dapat diselesaikan.

## 10.4 Helpdesk Service Counter

Customer service counter started operation in 2010 and since then the usage has exceeded 1000 per year. This trend is expected to increase due to aging of assets. Although this system has only been in operation for a short period, a few new features have been added to make it more efficient. The table below shows the number of complaints received and resolved yearly.




Carta 10.3 Kaunter aduan Helpdesk Nuklear Malaysia
Chart 10.3 Nuclear Malaysia Helpdesk complain count

# 11. Teknologi Reaktor

## 11.1 Reaktor Triga Puspati

Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP) telah dikendalikan secara selamat sejak Jun 1982. Sehingga Disember 2014, RTP telah beroperasi lebih 25,000 jam dengan tenaga terbebas mencapai 16,700 Mjam. Reaktor ini terus berperanan besar dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan, serta latihan dalam bidang teknologi reaktor nuklear di Malaysia. Sebahagian aktiviti yang telah dijalankan ditunjukkan dalam foto berikut:

# 11. Reactor Technology

## 11.1 Puspati Triga Reactor

PUSPATI TRIGA Reactor (RTP) has been operated safely since it began its operation in June 1982. Until December 2014, the reactor has been operated for more than 25,000 hours with energy released of about 16,700 MWhours. RTP has played an important role in research and development (R&D) and training activities in the field of nuclear reactor technology in Malaysia. Some of the activities carried out are shown in the following photographs:


Foto 11.1 Perkhidmatan penilaian dan penyinaran sampel: pengambilan keluar sampel tersinar di kemudahan penyinaran rak berputar dengan menggunakan alat pancing khas bagi tujuan analisis pengaktifan neutron (NAA)

Photo 11.1 Sample evaluation and irradiation services: unloading the irradiated sample from rotary rack irradiation facility using special fishing equipment for neutron activation analysis (NAA)

Foto 11.2 Program Pematuhan Pelesenan Reaktor : perbincangan mengenai audit bagi kawalselia bahan api nuklear bersama pihak IAEA

Photo 11.2 Reactor Licensing Compliance Programme : discussion on nuclear material safeguard audit with IAEA delegates

Foto 11.3 Program latihan dan pensijilan pengendali reaktor: pengendali reaktor sedang membimbing pelatih pengendali reaktor mengendalikan konsol digital RTP

Photo 11.3 Certification and training programme for reactor operator: reactor operator guiding a reactor operator trainee to operate the digital control console of RTP

Foto 11.4 Pembangunan makmal instrumentasi dan kawalan reaktor: makmal yang menempatkan konsol analog reaktor yang lama

Photo 11.4 Development of instrumentation and control laboratories: laboratory where the old analog reactor console is located

## 11.2 Program Pembangunan Keselamatan di RTP

Pelbagai program pembangunan untuk penambahbaikan ciri keselamatan pengoperasian reaktor telah dijalankan sepanjang tahun 2014. Sebahagian aktiviti berkenaan ditunjukkan dalam foto berikut:

## 11.2 Safety Development Programme at RTP

Various development programmes towards improving reactor operational safety features were carried out in 2014. Among the activities that have been performed are shown in the following photographs:

Foto 11.5 Aktiviti pemeriksaan dan penyenggaraan: pemeriksaan keutuhan bahan api TRIGA menggunakan tolok pengukur dan kamera bawah air
Photo 11.5 Inspections and maintenance activities: TRIGA fuel integrity inspection using inspection gauge and underwater camera

Foto 11.6 Aktiviti pemeriksaan dan penyenggaraan: kalibrasi sistem pengesan suhu air reaktor sedang dilakukan di atas pelantar RTP
Photo 11.6 Inspections and maintenance activities: reactor water temperature device calibration is performed on the platform of RTP.



Foto 11.7 Aktiviti pemeriksaan dan penyenggaraan: pemeriksaan fizikal dan kebocoran sinaran di kemudahan penyinaran turus termal
Photo 11.7 Inspections and maintenance activities: physical and radiation leak test inspection on thermal column irradiation facilities

Foto 11.8 Aktiviti pemeriksaan dan penyenggaraan: penjajaran kedudukan tangki penyejuk penapis neutron berilium dalam perisai biologi di kemudahan serakan neutron bersudut kecil (SANS)
Photo 11.8 Inspections and maintenance activities: conducting alignment work on the cryogenic tank housing the berylium neutron filter inside the biological shield of the small angle neutron scattering (SANS) facility

Foto 11.9 Aktiviti pembangunan: bekas untuk pemindahan unsur bahan api nuklear terpakai yang siap dibina
Photo 11.9 Development activity: cask for transferring spent nuclear fuel element ready for use.



NUKLEARMALAYSIA/L/2014/12(S)

SAFETY
ANALYSIS REPORT

FOR

PUSPATI TRIGA REACTOR

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY
2014

APPROVAL

SAFETY ANALYSIS REPORT
FOR
PUSPATI TRIGA REACTOR

Report Number: NUKLEARMALAYSIA/L/2014/12(S)

MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY
2014

To satisfy the requirements of: -
- Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE Committee), Malaysian Nuclear Agency
- Atomic Energy Licensing Board, License No. LPTA/A/1026.

Orang yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL)

Nama: Dato' Dr. Muhamad bin Lebai Juri
Jawatan: Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia
Tarikh:

Pegawai Perlindungan Sinaran
LPTA/A/1026

Nama: Dr. Mohd Abd Wahab bin Yusof
Jawatan: Pengarah, Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar
Tarikh: 01 JUL 2014

Nombor Siri: 1026-3151

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984
PERATURAN - PERATURAN PERLINDUNGAN SINARAN (PERLESENAN) 1986

LESEN
[Peraturan 18]

| BORANG LPTA/BL/1 | KELAS LESEN A , B , F |
|---|---|

Menurut Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom/Ketua Pengarah Kesihatan dengan ini mengeluarkan lesen seperti berikut :

| | | | |
|---|---|---|---|
| Nombor Lesen | LPTA/A/1026 | Tarikh Mula | 01/09/2014 |
| Nombor Fail | LPTA(S)/P&P/025/043 | Tarikh Tamat | 31/08/2017 |
| Nama Pemegang Lesen | AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (LPTA/A/1026) ( DATO' DR. MUHAMAD BIN LEBAI JURI ) | | |
| Alamat Surat Menyurat | BANGI 43000 KAJANG SELANGOR | | |
| Nombor Telefon | 03 - 8925 0644 | | |
| Alamat Kemudahan/Premis | BLOK 20 KEMUDAHAN REAKTOR BANGI 43000 KAJANG SELANGOR | | |
| Nama Penyelia | | | |
| Nombor Kad Pengenalan/Passport | | | |
| Nama Pegawai Perlindungan Sinaran | DR MOHD ABDUL WAHAB BIN YUSOF | | |
| Nombor Kad Pengenalan/Passport | 600921106619 | | |
| Tujuan | LIHAT LAMPIRAN 1 | | |
| Butir-butir mengenai Radas/Bahan/Pepasangan | LIHAT LAMPIRAN A | | |

Lesen ini adalah tertakluk kepada Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan Peraturan -peraturan yang dibuat di bawahnya dan syarat -syarat seperti yang dilampirkan.

LIHAT LAMPIRAN B

*Ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan*

Setiausaha Eksekutif/
Ketua Pengarah Kesihatan
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

1026-3151

Foto 11.10 Laporan penilaian keselamatan (SAR) dan pembaharuan lesen reaktor: laporan SAR yang telah diakui oleh LPTA dan penganugerahan lesen operasi RTP kepada Nuklear Malaysia
Photo 11.10 Safety Analysis Report (SAR) and reactor relicensing: SAR report that has been certified by AELB and RTP operating license awarded to Nuclear Malaysia

## 11.3 Penganjuran Kursus Keselamatan Reaktor

Nuklear Malaysia telah menjadi tuan rumah dan mempengerusikan "Mesyuarat Serantau Jawatankuasa Penasihat Keselamatan bagi Reaktor Penyelidikan di Asia dan Pasifik (RASCAP)" dan menerima kunjungan pakar IAEA dalam "Misi Penilaian Keselamatan Bersepadu Reaktor Penyelidikan (INSARR)" yang masing-masing diadakan pada 8-12 September dan 27-31 Oktober 2014.

Selain itu juga, Nuklear Malaysia turut terlibat dengan program jangka panjang "Pembangunan Kepakaran melalui Analisis Termal-hidraulik Reaktor di Malaysia" (EARTH-M)" yang bermula pada April 2014 dan bakal berakhir pada tahun 2016. Ahli program ini turut dianggotai oleh kakitangan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Kebangsan Malaysia (UKM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

## 11.3 Organizing Reactor Safety Courses

Nuclear Malaysia has hosted and chaired the "Regional Advisory Safety Committee for Research Reactors in Asia and Pacific (RASCAP)" meeting and accomodated IAEA experts visit during the "Integrated Safety Assessment for Research Reactor (INSARR) Mission" on September 8-12 and October 27-31, 2014, respectively.

In addition, Nuclear Malaysia was also involved in the long term programme of "Expertise Development Through the Analysis of Reactor Thermal Hydraulics for Malaysia (EARTH-M)" which started on April 2014 and will be end in 2016. Members of this project also consists of personnel from the Atomic Energy Licensing Board (AELB), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Foto 11.11 Kunjungan hormat pakar IAEA ke pejabat pengurusan tertinggi Nuklear Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal) dalam Misi Penilaian Keselamatan Bersepadu Reaktor Penyelidikan (INSARR)
Photo 11.11 Courtesy call to the top management office of Nuclear Malaysia chaired by Deputy Director General (Technical) by the IAEA experts for Integrated Safety Assessment for Research Reactor (INSARR) mission

Foto 11.12 Peserta Mesyuarat Serantau Jawatankuasa Penasihat Keselamatan bagi Reaktor Penyelidikan di Asia dan Pasifik (RASCAP)
Photo 11.12 Participants of Regional Advisory Safety Committee for Research Reactors in Asia and Pacific (RASCAP) Meeting

## 11.4 Pentauliahan Konsol Digital RTP

Pihak Korea Atomic Energy Research Institute (KAERI) dengan rasminya menyerahkan Sistem Kawalan dan Instrumentasi Digital Reaktor (ReDICS) kepada Nuklear Malaysia melalui Y.B. Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 6 Mac 2014

## 11.4 Commisioning Of RTP Digital Console

Korea Atomic Energy Research Institute (KAERI) has officially awarded the Reactor Digital Instrumentation and Control System(ReDICS) to Nuclear Malaysia through Y.B. Datuk Dr. Ewon Ebin, Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI) on March 6, 2014


Foto 11.13 Y.B. Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menandatangani plak pentauliahan konsol digital RTP

Photo 11.13 Y.B. Datuk Dr. Ewon Ebin, Minister of Science, Technology and Innovation signed the commissioning plaque of the RTP digital console

Foto 11.14 Pengurus reaktor TRIGA PUSPATI menerangkan sistem konsol digital baru kepada dif kehormat

Photo 11.14 Manager of PUSPATI TRIGA reactor giving an explanation about the new digital console system to the honourable guests

## 11.5 Data Kendalian RTP

Sebaik ditauliahkan, RTP kembali beroperasi dengan selamat selepas tujuh bulan tidak dikendalikan. Sejak itu reaktor telah dikendalikan selama tempoh keseluruhan berjumlah 517 jam dengan tenaga terbebas sekitar 338,000 kWjam. Dalam tempoh berkenaan 5483 sampel telah disinarkan. Carta 11.1 dan Jadual 11.3 masing-masing menunjukkan data kendalian RTP dan khidmat penyinaran sampel.

## 11.5 RTP Operational Data

Upon commissioning, RTP was back in operation after almost seven months shutdown. Since then the reactor has been operated for a total of 517 hours with energy released of 338,000 kWh. Within the same period, a total of 5483 samples have been irradiated. Chart 11.1 and Table 11.3 shows RTP operational data and sample irradiation services, respectively.




Carta 11.1 Data kendalian dan tenaga terbebas dari RTP Tahun 2014
Chart 11.1 Data of RTP operations and energy released in 2014

## 11.6 Pelawat RTP

Sekitar 1500 orang pengunjung daripada agensi kerajaan, syarikat swasta serta pelajar universiti, peserta kursus dan pelawat luar negara telah melawat RTP.

## 11.6 RTP Visitors

Around 1500 visitors from government agencies, private companies as well as university students, course participants and foreign visitors visited RTP.




Carta 11.2 Bilangan pengunjung mengikut kategori yang melawat RTP
Chart 11.2 Number of RTP's visitor according to respective categories

Foto 11.15 Pelajar universiti tempatan dalam kunjungan ke RTP
Photo 11.15 Local university students visiting RTP

Foto 11.16 Penerangan berkaitan reaktor penyelidikan RTP kepada tetamu Kementerian Luar Negeri Malaysia
Photo 11.16 Briefing on RTP research reactor to guests from the Ministry of Foreign Affairs Malaysia

Foto 11.17 Pelajar UNITEN menjalani latihan untuk ujian awal kendalian bagi mengenali sistem dan komponen kejuruteraan RTP
Photo 11.17 UNITEN students performing reactor checklist to familiarize with the system and components of RTP

## 11.7 Pembangunan Teknologi Reaktor Nuklear

Nuklear Malaysia sentiasa terlibat secara aktif dalam kajian teknologi reaktor nuklear sama ada untuk kegunaan penyelidikan atau penjanaan kuasa. Antara aktiviti tersebut termasuklah kajian kebolehlaksanaan pembangunan reaktor nuklear jenis kecil sederhana (SMR) di Semenanjung Malaysia dan pembangunan bahan api nuklear berasaskan torium. Untuk itu, persediaan modal insan dalam teknologi reaktor nuklear giat dilaksanakan. Aktiviti yang telah dilaksanakan termasuk menghadiri mesyuarat teknikal, bengkel dan latihan.

## 11.7 Development of Nuclear Reactor Teknology

Nuclear Malaysia has been actively involved in studies on nuclear reactor technology for research or power generation. Among the activities carried out are feasibility studies for the development of a Small Medium Reactor (SMR) in Peninsular Malaysia and the development of thorium based nuclear fuel. Thus, efforts in human resource developments in nuclear reactor technology are actively pursued. Various activities including participation in technical meetings, workshops and trainings were carried out.

Foto 11.18 Peserta Malaysia dan luar negara yang menyertai "Technical Meeting on Topical Issues in the Development of Nuclear Power Infrastructure" di Vienna, Austria
Photo 11.18 Foreign and Malaysian participants in the Technical Meeting on Topical Issues in the Development of Nuclear Power Infrastructure in Vienna, Austria

Foto 11.19 Barisan peserta "Technical Meeting on Effective Utilization of Nuclear Power Plant Simulators as Introductory Educational Tools" di Kompleks IAEA, Vienna, Austria.
Photo 11.19 Participants of the Technical Meeting on Effective Utilization of Nuclear Power Plant Simulators as Introductory Educational Tools held in IAEA Complex, Vienna, Austria.

Foto 11.20 Peserta bagi *Technical Meeting on Operating Fundamentals of Pressurized Water Reactor Type (PWR) - Small and Medium Sized Reactors(SMR)* di Pakistan
Photo 11.20 Participants of Technical Meeting on Operating Fundamentals of Pressurized Water Reactor Type (PWR) - Small and Medium Sized Reactors(SMR) in Pakistan


Foto 11.21 Sesi perbincangan semasa *International Meeting on Application of Code of Conduct on Safety of Research Reactors*
Photo 11.21 Discussion during International Meeting on Application of Code of Conduct on Safety of Research Reactors


Foto 11.22 Latihan amali dijalankan di RTP semasa kursus 2nd *Follow up Training Course on Reactor Engineering*
Photo 11.22 Practical training at RTP during the 2nd Follow Up Training Course on Reactor Engineering



# 12. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Adalah menjadi dasar Nuklear Malaysia untuk menyediakan persekitaran tempat kerja dan alam sekitar yang selamat dan sihat untuk semua pekerjanya dan perlindungan kepada orang awam yang mungkin terjejas keselamatan dan kesihatan mereka akibat perlaksanaan aktiviti-aktivitinya. Nuklear Malaysia juga komited di dalam pematuhan kepada Akta 304 dan syarat-syarat lesen LPTA/A/724 dan LPTA/A/1026. Oleh itu, Nuklear Malaysia telah melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia seperti:

- Meningkatkan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia
- Memperkasakan penyelidikan berkaitan keselamatan sinaran dan kesihatan
- Mematuhi perundangan berkaitan 3S iaitu keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia
- Menawarkan perkhidmatan teknikal berkaitan keselamatan sinaran dan kesihatan

# 12. Occupational Health and Safety

Nuclear Malaysia's policy outlines its pledge to provide a safe and healthy workplace as well as the environment for its employees and to protect the public whose safety and health might have been affected by the activities she carried out. Nuclear Malaysia is also committed to comply with Act 304 and the requirements of licenses LPTA/A/724 and LPTA/A/1026. Hence, Nuclear Malaysia has implemented various activities related to radiation safety, security and safeguard involving:

- Enhancement of radiation safety, security and safeguard
- Strengthening research related to radiation safety and health
- Compliance with legislation related to 3S i.e. radiation safety, security and safeguard
- Provide technical services related to radiation safety and health

## 12.1 Meningkatkan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia

Bilangan pekerja sinaran yang berdaftar dengan LPTA di Nuklear Malaysia adalah seramai 420 orang. Mereka terdedah kepada pelbagai jenis sinaran semasa menjalankan tugas di makmal, kemudahan utama dan lapangan. Pecahan pekerja sinaran mengikut bahagian di Nuklear Malaysia ditunjukkan pada Carta 12.1.

## 12.1 Enhancement of radiation safety, security and safeguard

The total number of radiation workers in Nuclear Malaysia registered with AELB is 420 persons. They are exposed to various types of radiation while working in the laboratory, main facilities and onsite. Distribution of radiation workers by division in Nuclear Malaysia is shown in Chart 12.1.




Carta 12.1 Bilangan pekerja sinaran mengikut bahagian di Nuklear Malaysia.
Chart 12.1 Distribution of radiation workers by divisions in Nuclear Malaysia.

Penghayatan dan perlaksanaan bagi meningkatkan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia dijayakan melalui pelbagai aktiviti seperti:

Activities practiced and implemented to enhance radiation safety, security and safeguard includes:

### 12.1.1 Pemonitoran dos personel pekerja sinaran

Dos yang diterima oleh pekerja sinaran sentiasa dipantau dan dipastikan pada tahap selamat. Kesemua pekerja sinaran di Nuklear Malaysia menerima dos di bawah had dos yang dibenarkan. Dos tahunan individu yang diterima oleh pekerja sinaran ditunjukkan pada Carta 12.2.

### 12.1.1 Personnel dose monitoring for radiation worker

Dose received by radiation workers are continuous monitored and kept at a safe level. All the radiation workers in Nuclear Malaysia received doses below the permissible limits. Dose received by individual radiation workers are shown in Chart 12.2.




Carta 12.2 Julat dos tahunan yang diterima oleh pekerja sinaran di Nuklear Malaysia.
Chart 12.2 Range of dose received by radiation workers in Nuclear Malaysia.

**12.1.2 Pemonitoran kawasan di Agensi Nuklear Malaysia**

Sebanyak 19 kemudahan di seluruh Nuklear Malaysia telah dilakukan pemonitoran dan pengklasifikasi kawasan bagi memastikan sinaran yang diterima adalah pada tahap klasifikasi ditetapkan iaitu merangkumi kawasan bersih, seliaan dan kawalan.

**12.1.3 Pemeriksaan perubatan pekerja sinaran**

Pemeriksaan perubatan berkala yang dijalankan tiga tahun sekali adalah diwajibkan ke atas semua pekerja sinaran. Seramai 121 daripada 420 pekerja sinaran di Nuklear Malaysia telah menjalani pemeriksaan perubatan berkala pada tahun semasa.

**12.1.4 Latihan dan bengkel berkaitan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia**

Pelbagai latihan dan bengkel berkaitan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia seperti di Jadual 12.1 telah dianjurkan.

**12.1.2 Area monitoring at Malaysian Nuclear Agency**

Area monitoring and classification on 19 facilities at Nuclear Malaysia has been conducted to ensure the radiation level is according to the stipulated area classification namely clean, supervised and controlled areas.

**12.1.3 Medical surveillance radiation worker**

Periodic medical examination once in every three years is mandatory for all radiation workers. From the total of 420 radiation workers in Nuclear Malaysia, 121 have undergone periodic medical surveillance for the current year.

**12.1.4 Training and workshop related to radiation safety, security and safeguard**

Various trainings and workshops related to radiation safety, security and safeguard as shown in Table 12.1 have been organized.

Jadual 12.1 Latihan, kursus dan ceramah berkaitan keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia.
Table 12.1 Trainings, courses and talks related to radiation safety, security and safeguard.

| **Aktiviti** Activities | **Tarikh** Date | **Tempat** Place |
|---|---|---|
| Latihan Memadam Kebakaran dengan Pemadam Api Fire Fighting Training with Fire Extinguisher | 07 Mei 2014 07 May 2014 | Nuklear Malaysia Nuclear Malaysia |
| Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 2014 Course on Occupational Health & Safety 2014 | 18 – 19 Jun 2014 18 – 19 June 2014 | Nuklear Malaysia Nuclear Malaysia |
| Ceramah Pengurusan dan Amalan Keselamatan Makmal Talk on Management and Practice in Laboratory Safety | 21 Okt 2014 21 Oct 2014 | Nuklear Malaysia Nuclear Malaysia |
| Kursus Latihan Ketiga Persediaan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear 3rd Follow-up Training Course (FTC) Nuclear and Radiological Emergency Preparedness (NREP) | 08 – 19 Dis 2014 08 – 19 Dec 2014 | Nuklear Malaysia Nuclear Malaysia |

Foto 12.1 Peserta diberi pendedahan berkenaan cara penggunaan pemadam api yang betul
Photo 12.1 Participant being shown the proper way to handle a fire extinguisher


Foto 12.2 Peserta diberi pendedahan berkenaan cara penggunaan yang betul gegelung hos
Photo 12.2 Participants being shown how to handle a fire hose


Foto 12.3 Pengerusi JKSHE, Dr Mohd Ashhar Hj Khalid merasmikan Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2014
Photo 12.3 Chairman of JKSHE, Dr Mohd Ashhar Hj Khalid opening the Course on Occupational Health and Safety 2014

Foto 12.4 Pengerusi JKSHE, Dr Mohd Ashhar Hj Khalid dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil di bawah JKSHE semasa sesi forum Kursus Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 2014
Photo 12.4 Chairman of JKSHE, Dr Mohd Ashhar Hj Khalid and other Subcommittee Chairman during the forum for the Course on Occupational Health & Safety 2014)


Foto 12.5 Pengerusi JKSHE, Dr Mohd Ashhar Hj Khalid merasmikan Ceramah Pengurusan dan Amalan Keselamatan Makmal
Photo 12.5 Chairman of JKSHE, Dr Mohd Ashhar Hj Khalid opening the Talk on Management and Practice of Laboratory Safety

Foto 12.6 Pengerusi JKMKL, Dr Abdul Kadir Ishak dan ahli JKMKL, Puan Salmah Moosa bergambar bersama penceramah jemputan dari UiTM
Photo 12.6 Chairman of Subcommittee of Laboratory and Field Work, Dr Abdul Kadir Ishak and other members of JKMKL, Puan Salmah Moosa with the guest lecturer from (UiTM)

Foto 12.7 Peserta kursus FTC sedang melakukan latihan pemonitoran sinaran menggunakan teletektor
Photo 12.7 FTC participants conducting radiation monitoring exercise using teletector

Foto 12.8 Peserta kursus FTC sedang melakukan latihan pemonitoran sinaran bagi mengesan punca radioaktif yang "hilang" menggunakan meter tinjau dan teletektor
Photo 12.8 FTC participants conducting radiation monitoring exercise to detect "missing" radioactive source using survey meter and teletector

Foto 12.9 Peserta kursus FTC sedang melakukan latihan nyahcemaran bagi punca radioaktif yang tertumpah menggunakan kit nyahcemaran
Photo 12.9 FTC participants conducting decontamination exercise for spilled radioactive source using decontamination kit

**12.1.5 Latih amal pengosongan bangunan, kecemasan dan sekuriti**

Sebanyak 43 blok bangunan telah terlibat dengan latih amal kecemasan dan pengosongan bangunan. Manakala latih amal kecemasan dan sekuriti telah dijalankan pada Jun 2014 di Blok 20 di mana terdapatnya Reaktor. Latih amal ini melibatkan kesemua skuad kecemasan di Nuklear Malaysia dengan penglibatan LPTA sebagai pemerhati.

**12.1.5 Drill on evacuation of building, emergency and security**

A total of 43 buildings were involved in the emergency and evacuation drill. Whereas, an emergency and security drill was conducted on June 2014 on Reactor Block 20 which involved all Nuclear Malaysia's emergency squad and AELB as an observer.

Foto 12.10 Skuad memadam kebakaran bersiap sedia untuk memasuki Blok 20 untuk latih amal kecemasan dan pengosongan bangunan
Photo 12.10 Firefighting squad preparing to enter Block 20 for the emergency and evacuation drill

Foto 12.11 Skuad CBRN sedang melakukan pemonitoran personel ke atas skuad memadam kebakaran semasa latih amal kecemasan dan pengosongan bangunan Blok 20
Photo 12.11 CBRN Squad conducting personnel monitoring on the firefighting squad during the emergency and evacuation drill at Block 20

Foto 12.12 Kakitangan Nuklear Malaysia berkumpul di tempat berkumpul semasa latih amal kecemasan dan pengosongan bangunan di Blok 20
Photo 12.12 Nuclear Malaysia's personnel gathering at the assembly point during the emergency and evacuation drill on Block 20

Foto 12.13 Skuad memadam kebakaran masuk ke dalam kawasan kebakaran di Blok 20 Reaktor untuk memadam kebakaran semasa latih amal kecemasan di Reaktor
Photo 12.13 Fire Fighting Squad entering the fire area in Block 20 Reactor during emergency and evacuation drill at Reactor

Foto 12.14 Skuad CBRN sedang melakukan pemonitoran sinaran di bilik konsol reaktor semasa latih amal
Photo 12.14 CBRN Squad conducting radiation monitoring in the reactor console room during the drill

Foto 12.15 Skuad CBRN keluar dari kawasan kebakaran di Blok 20 Reaktor setelah melakukan pemonitoran dos semasa latih amal
Photo 12.15 CBRN Squad coming out of the fire area at Block 20 Reactor after conducting dose monitoring during the drill

Foto 12.16 Ketua Unit Keselamatan Fizikal sedang mengadakan rundingan dengan "penjenayah" semasa latih amal
Photo 12.16 Head of Physical Security Unit conducting negotiations with "criminals" during the drill

**12.1.6 Audit keselamatan di makmal dan kemudahan utama**

Sebanyak empat makmal dan satu kemudahan utama telah diaudit oleh Jawatankuasa Kecil Audit bagi memastikan tahap keselamatan di makmal dan kemudahan utama dipatuhi sepenuhnya.

**12.1.7 Penyenggaraan, tentukuran dan penjagaan peralatan keselamatan**

Semua peralatan keselamatan telah dilakukan penyenggaraan dan tentukuran secara berkala bagi mempastikan peralatan tersebut berada dalam keadaan baik dan bacaan yang diberikan adalah tepat dan boleh dipercayai.

**12.1.6 Safety audit on laboratories and major facilities**

A total of four laboratories and one major facility were audited by the Audit Committee to ensure safety measures in the laboratories and major facilities are fully complied with.

**12.1.7 Maintenance, calibration and care of safety equipment**

All safety equipment were maintained and calibrated periodically to ensure that they are in good working condition and readings are accurate and reliable.

## 12.2 Memperkasakan penyelidikan berkaitan keselamatan sinaran dan kesihatan

Bagi memperkasa penyelidikan berkaitan keselamatan sinaran dan kesihatan, pelbagai projek penyelidikan telah dibangunkan. Di antara aktiviti penyelidikan yang dibangunkan adalah:

### 12.2.1 Pembangunan sistem pengukuran dos dalaman

Bagi memantapkan aktiviti keselamatan sinaran dan kesihatan pekerjaan, prosedur pengukuran dos dalaman menggunakan pembilang seluruh tubuh, pembilang tiroid dan bioassay telah dibangunkan. Sebanyak 84 penganalisaan dos dalaman telah dilakukan ke atas pekerja sinaran di Nuklear Malaysia. Didapati kesemua pekerja sinaran menerima dos di bawah had yang dibenarkan.

Foto 12.17 Pekerja sinaran sedang menjalani pengukuran dos dalaman menggunakan pembilang seluruh tubuh
Photo 12.17 Radiation worker undergoing internal dose measurement using whole body counter

### 12.2.2 Dosimetri sinaran bagi pesakit

Penyelidikan berkaitan dosimetri sinaran bagi pesakit telah dijalankan bagi mempastikan dos yang diterima oleh pesakit tidak melebihi aras panduan yang dicadangkan. Projek yang dijalankan ini melibatkan kerjasama dari Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM).

## 12.2 Strengthening research in radiation safety and health

To strengthen research related to radiation safety and health, various research projects have been developed. Among the research activities developed are:

### 12.2.1 Development of internal dose measurement system

In order to strengthen the occupational radiation safety and health activities, a procedure for internal dose measurement using whole body counter, thyroid counter and bioassay was developed. A total of 84 internal dose analyses were performed on Nuclear Malaysia's radiation workers. Results showed that all the radiation workers received doses below the permissible limits.

Foto 12.18 Sistem pembilang seluruh tubuh yang terdapat di Nuklear Malaysia
Photo 12.18 Whole body counter system available at Nuclear Malaysia

### 12.2.2 Radiation dosimetry for patients

Research related to radiation dosimetry for patients was conducted to ensure dose received by patients does not exceed the recommended guidance level. This project involved the collaboration of Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Centre (PPUKM).

**12.2.3 Pemetaan garisan tapak frekuensi radio (RF)**

Bagi sinaran tidak mengion, pangkalan data sinaran RF di persekitaran tapak menara/antena pemancar telekomunikasi telah dibangunkan.

## 12.3 Mematuhi perundangan berkaitan 3S iaitu keselamatan sinaran, sekuriti dan kawal selia

Sebagai agensi yang menjalankan aktiviti yang melibatkan bahan radioaktif dan radas penyinaran, perkhidmatan perundingan perlindungan sinaran dan latihan untuk kursus perlindungan sinaran, lesen LPTA/A/724 telah berjaya diperbaharui selama dua tahun sehingga Oktober 2016. Pengukuhan sekuriti bahan radioaktif juga telah dilaksanakan dengan memasang *radiation portal monitor* (RPM) di pintu masuk dan kawasan strategik di Nuklear Malaysia. Kemudahan penyinaran kategori 1 di Nuklear Malaysia juga dilengkapi dengan peralatan perlindungan fizikal yang diperolehi melalui program kerjasama Inisiatif Pengurangan Ancaman Global (GTRI).

## 12.4 Menawarkan perkhidmatan teknikal berkaitan keselamatan sinaran dan kesihatan

Nuklear Malaysia menawarkan perkhidmatan teknikal seperti yang disenaraikan di bawah:

**12.4.1 Perkhidmatan teknikal melibatkan sinaran mengion:**

- **Perundingan Perlindungan Sinaran**
  Perkhidmatan perundingan perlindungan sinaran ditawarkan kepada pelanggan yang menggunakan teknologi nuklear.

- **Kawalan Kualiti dalam Radiologi Diagnostik**

  Kawalan kualiti dalam radiologi diagnostik dilakukan bagi memastikan penghasilan berterusan imej radiologi diagnostik berkualiti optimum dengan kos terendah dan melibatkan dos yang mimimum kepada pesakit. Sejumlah 125 radas penyinaran sinar-X di hospital dan klinik di seluruh negara telah menjalani pemeriksaan kawalan kualiti oleh kakitangan teknikal Nuklear Malaysia.

**12.2.3 Baseline radio frequency (RF) mapping**

For non-ionizing radiation, database for RF radiation at the site of telecommunication transmitting towers/ antenna have been established.

## 12.3 Compliance with 3S legislation i.e. radiation safety, security and safeguard

As an agency whose activities involved the use of radioactive substances and irradiating apparatus, radiation protection consulting services and training courses for radiation protection, the LPTA/A/724 license was successfully renewed for another two years until October 2016. Security of radioactive sources was enhanced with the installation of radiation portal monitor (RPM) at the entrance and strategic locations in Nuclear Malaysia. Irradiation facilities of category 1 in Nuclear Malaysia were also equipped with physical protection equipment acquired through the Global Threat Reduction Initiative (GTRI) cooperation programme.

## 12.4 Technical services related to radiation safety and health

Nuclear Malaysia offers technical services as listed below:

**12.4.1 Technical services related to ionizing radiation:**

- **Radiation Protection Consultant**

  Radiation protection consultation services offered to customers utilising nuclear technology.

- **Quality Control in Diagnostic Radiology**

  Quality control of diagnostic X-ray machine is performed to ensure continuous production of diagnostic radiology images with optimum quality at lowest possible cost using minimum necessary dose to patient. A total of 125 X-ray irradiation apparatus in hospitals and clinics throughout the country have undergone quality control tests performed by Nuclear Malaysia's technical personnel.

Foto 12.19 Pegawai Nuklear Malaysia sedang menjalankan ujian kawalan mutu ke atas mesin sinar-X *Computed Tomography* (CT) di hospital
Photo 12.19 Nuclear Malaysia's personnel conducting a quality control test on the Computed Tomography (CT) X-ray machine at the hospital

- **Tentukuran Peralatan Ujian bagi Program Kawalan Kualiti dalam Radiologi Diagnostik**

  Makmal Tentukuran Fizik Perubatan telah diakreditasikan dengan MS ISO/IEC 17025:2005 dan merupakan satu-satu makmal tentukuran standard bagi radiologi diagnostik di Malaysia yang memberi khidmat tentukuran bagi peralatan ujian yang digunakan dalam program jaminan kualiti dalam radiologi diagnostik. Sejumlah 250 peralatan ujian dari pelanggan telah ditentukur di makmal ini.

- **Calibration of Test Equipment used in the Quality Assurance Programme in Diagnostic Radiology**

  The Medical Physics Calibration Laboratory is an MS ISO/IEC 17025:2005 accredited facility and the only diagnostic radiology standard calibration laboratory in Malaysia providing calibration services for test equipment used in the quality assurance programme in diagnostic radiology. A total of 250 test equipments have been calibrated in this laboratory.

Foto 12.20 Kerja tentukuran sedang dijalankan di Makmal Tentukuran Fizik Perubatan
Photo 12.20 Calibration work being carried out at Medical Physics Calibration Laboratory

- **Tentukuran Penentukur Dos dalam Perubatan Nuklear**

  Prestasi sesuatu penentukur dos dinilai dari berbagai aspek seperti ujian pencemaran, ujian kestabilan sistem, ujian ketepatan, ujian kemalaran, ujian kelinearan, ujian kejituan dan ujian geometri. Sejumlah 50 penentukur dos di hospital di seluruh negara telah ditentukur.

- **Calibration of Dose Calibrator Used in Nuclear Medicine**

  The performance of dose calibrator is evaluated from various aspects such as contamination test, system stability test, accuracy test, constancy test, linearity test, precision test and geometry test. A total of 50 dose calibrators in hospitals all over the country have been calibrated.

Foto 12.21 Kerja tentukuran penentukur dos yang digunakan dalam perubatan nuklear
Photo 12.21 Calibration of dose calibrator used in nuclear medicine

- **Ujian/Pengukuran Integrity termasuk Ujian Ketebalan Kesetaraan Plumbum bagi Perisai Sinaran**

Kegagalan dalam perlindungan atau perisaian telah menyebabkan dedahan yang tidak sepatutnya kepada orang awam, pekerja dan pesakit. Integriti bilik sinar-X dan pakaian perlindungan sinaran dari segi ketebalan setara plumbum mesti dinilai secara berkala bagi mempastikan perlindungan yang secukupnya bagi semua yang terlibat. Sejumlah 60 bilik sinar-X di hospital telah dilakukan ujian ketebalan kesetaraan plumbum.

- **Integrity Testing/Measurement Including Lead Equivalent Thickness of Protective Barriers**

Failure in protection or shielding has led to cases of unnecessary radiation exposure to public, staffs and patients. Integrity of X-ray room and protective clothing in terms of lead equivalent thickness should be verified periodically to ensure sufficient protection for all concerned. A total of 60 X-ray rooms have been tested for lead equivalent thickness.


Foto 12.22 Ujian ketebalan kesetaraan plumbum bagi perisai sinaran sedang dilakukan
Photo 12.22 conducting a lead equivalent thickness testing of protective barriers

***12.4.2 Perkhidmatan teknikal melibatkan sinaran tidak mengion (NIR):***

- **Tinjauan Tapak Menara/Antena Pemancar Telekomunikasi/ Penyiaran**

  Tinjauan pada tapak menara/antena pemancar telekomunikasi/penyiaran dilakukan bagi memastikan penggunaan kemudahan dan peralatan NIR yang selamat di seluruh negara.

